

# PDRM, UMS 'pulih' pejuang IS

um 25.12.2014 6

**KOTA KINABALU 24 Dis.** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedang meneroka bidang psikologi serta kaunseling dalam mencari kaedah untuk 'memulihkan' rakyat negara ini yang terlibat sebagai pejuang kumpulan militan Negara Islam (IS).

Perkara itu dinyatakan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dan menyifatkan kerjasama antara PDRM dengan universiti berkenaan mampu membawa hasil dalam menyiapkan kakitangan pasukan keselamatan untuk berdepan dengan jang IS.

"Kita sedar mengenai ancaman dihadapi sekarang melibatkan rakyat negara ini termasuk generasi muda yang terpengaruh untuk menjadi pejuang IS.

"Selain kerjasama pendidikan, PDRM dan UMS akan meneroka bidang psikologi supaya kita mendapat nilai tambah kepada proses-proses

pemulihan rakyat kita yang terpengaruh dengan perjuangan kumpulan IS," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMS dan PDRM di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah; Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani dan Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Jalaluddin Abdul Rahman.

Tambah Khalid, selain pendidikan, penyelidikan dan bidang psikologi, pihaknya turut berbincang untuk mengadakan kerjasama dalam bidang forensik bagi aspek-aspek keselamatan yang berkaitan.

Ditanya mengenai ancaman itu dalam kalangan generasi muda terutama mahasiswa universiti, beliau menjelaskan, perkara tersebut tidak berada pada tahap membim-

bangkan.

Namun tegas beliau, pihaknya sentiasa memantau pergerakan kumpulan IS melibatkan mahasiswa selain mendapat kerjasama penuh daripada pihak pengurusan universiti.

Sementara itu, Mohd. Harun berbincang, MoU antara kedua-dua pihak itu adalah kerjasama dalam aspek penyelidikan mengenai persoalan jenayah, keselamatan dan ketenteraman awam di negeri ini.

Kata beliau, kerjasama tersebut mampu memantapkan hasil penyelidikan universiti berkenaan dengan memberi input berguna kepada pasukan keselamatan dalam usaha memastikan keselamatan negeri ini terutama di pantai timur Sabah terjamin.

"Saya percaya dengan kerjasama ini, usaha dan peranan UMS dapat disumbang kepada pembangunan sosiopolitik negara khususnya di Sabah," katanya.



**KHALID ABU BAKAR** (dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan **Mohd Harun Abdullah** (dua dari kanan) pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara PDRM dan UMS di Kota Kinabalu, semalam. Turut kelihatan, **Acryl Sani Abdullah Sani** (kiri). - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN.